

Nama ..... Tingkatan .....



قَسْرَتِنَا مِنْ عَنَّا وَإِذَا مَجَّ لَيْبِرٌ وَقَحْبُولٌ  
 وَمُجْمَلٌ كَرَجَانٌ سَيَكُونُ لِمَنْ جَعَلَهُ وَكَامِلٌ عَرَبٌ بَيْنَ وَاقِ  
 يَا يَاسَنَ إِسْلَامَ كَلْتَنَ



1103/1  
 Bahasa  
 Melayu  
 Kertas 1  
 Oktober  
 2020  
 2  $\frac{1}{4}$  jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020**

**BAHASA MELAYU**  
 Kertas 1

Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

[ Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada aktiviti kemasyarakatan. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah aktiviti kemasyarakatan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**FAEDAH AKTIVITI  
KEMASYARAKATAN**

- Memupuk semangat perpaduan kaum
- Menjaga keselamatan penduduk setempat
- Menyemai perasaan cinta akan alam sekitar



## Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Generasi muda kini didapati kurang menghayati erti kemerdekaan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan remaja khususnya pelajar-pelajar sekolah.  
Bincangkan.
2. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk sebuah keluarga yang bahagia.  
Ulaskan pernyataan tersebut.
3. Semangat kejiwaan dalam kalangan rakyat di negara kita semakin longgar.  
Tulis sebuah rencana tentang 'Kepentingan Amalan Hidup Berjiran Dalam Kalangan Masyarakat'.
4. Malaysia sentiasa mengadakan hubungan antarabangsa dengan negara-negara luar dalam pelbagai bidang. Usaha ini sememangnya mendatangkan impak yang baik ke arah pembangunan negara.  
Huraikan faedah-faedah tersebut.
5. Peribahasa melukut di tepi gantang memberi gambaran bahawa keadaan hidup seseorang yang tidak dipedulikan.  
Huraikan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan agar kita dihargai oleh masyarakat.

Nama ..... Tingkatan .....



قَسْرَتِيَدِكْ عَزْمٌ وَعَيْنُوا إِذَا مَجْلِسِيْنَ وَعَمَتُوا  
مَوْجَهْدَا كَرَامَاتِيْنَ سِيْكَوْلِيْ مَنِيْجِيْرُو كَامِيْرِيْ عَرَبِيْ (بِنِيْوَانِيْ)  
يَا يَاسَنَ إِسْلَامَ كَلْتَنَ



1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Oktober  
2020  
2 ½ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020**

**BAHASA MELAYU**  
Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[ Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara menyuburkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda dan kesan-kesan jika semangat patriotik semakin pudar dalam kalangan generasi muda. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Semangat sayang dan cinta akan negara atau patriotisme mampu menyumbang kepada perpaduan erat dalam kalangan generasi muda dan masyarakat, dan seterusnya ke arah kejayaan dan kemajuan negara. Lantaran itu, pemupukan semangat cinta akan negara tidak sewajarnya dilakukan hanya pada bulan Ogos atau pada bulan kemerdekaan, malahan usaha ini perlu dilakukan pada setiap masa.

Kekuatan dan kestabilan negara banyak bergantung kepada kecintaan rakyat terhadap negaranya. Rakyat yang mempunyai semangat patriotisme yang kental dan padu tidak mahu negaranya dijajah dan huru-hara dengan campur tangan kuasa asing. Perasaan sayang akan negara melebihi perasaan sayang kepada yang lain. Perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air juga menyumbang kepada perpaduan dalam kalangan rakyat. Oleh hal yang demikian, melalui tema Hari Kebangsaan yang lalu, iaitu "Malaysia Prihatin", semangat patriotisme wajar difahami, dihayati, dan dimanfaatkan dalam kehidupan seharian oleh rakyat jelata, khususnya golongan muda. Melalui tema "Malaysia Prihatin" ini juga, kita perlu berusaha untuk menerapkan dan menterjemahkan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi kepada negara Malaysia.

Pada peringkat sekolah, semangat cinta akan negara dapat diterapkan melalui sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kemerdekaan kepada murid. Melalui pendidikan ini, murid lebih mengenali dan menghargai kepelbagaian yang wujud di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana kepelbagaian ini merupakan resipi kepada kekuatan rakyat Malaysia selama ini. Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, khususnya melalui mata pelajaran Sejarah, perasaan cinta yang mendalam terhadap negara dapat diterapkan kepada murid sekolah. Oleh hal yang demikian, melalui sesi pembelajaran ini, setiap murid dapat memahami kepentingan perpaduan dalam kalangan masyarakat dengan menyayangi tanah air tercinta.

Pendidikan tentang semangat patriotik merupakan tonggak utama untuk membina perpaduan antara kaum dalam kalangan generasi muda, terutamanya di sekolah dan di universiti. Melalui sistem pendidikan yang sentiasa menerapkan perasaan cinta akan negara, generasi muda lebih memahami erti kemerdekaan yang berkait rapat dengan perpaduan dan kepentingannya terhadap negara yang berbilang bangsa.

Identiti nasional yang kukuh pula dapat diterapkan melalui penghayatan dan pemahaman yang mendalam terhadap prinsip Rukun Negara. Untuk mewujudkan identiti nasional dan semangat patriotik, prinsip perpaduan yang teguh dalam kalangan murid dan generasi muda amat diperlukan. Kepentingan mengekalkan integrasi nasional juga perlu ditekankan dan diamalkan. Hal ini bertujuan untuk *mengukuhkan keamanan* dan keharmonian yang dinikmati selama ini.

Oleh itu, adalah wajar untuk kita membendung segala sikap prasangka terhadap kaum lain yang akan menjejaskan keharmonian dan perpaduan antara kaum. Sesungguhnya, kepelbagaian budaya, adat resam, dan rasa kebersamaan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum mampu meningkatkan semangat patriotisme yang lebih jitu.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Malaysia Prihatin' oleh Aminudin  
Mansor, *Dewan Siswa*, Bil.8,2018

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengukuhkan keamanan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan rakyat mempunyai semangat patriotisme yang kental dan padu. Nyatakan faktor-faktor tersebut. [3 markah]
- (iii) Sekolah anda akan menganjurkan program sambutan Bulan Kebangsaan. Anda mahu memberikan beberapa cadangan untuk menyemarakkan sambutan tersebut. Kemukakan **dua** cadangan anda. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

YIK - B.MELAYU KERTAS (2) - SPM

**Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Tapi dunia ini sudah berubah, bonda. Kita bukan lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah. Sekarang kita hidup dalam dunia yang mengejar harta, pangkat dan kekayaan di bumi mewah ini. Tanah air ini bukan milik bangsa kita sahaja. Kita hidup dengan perkongsian hak dan identiti yang sama rata. Sejarah lama tidak perlu dibangkitkan lagi.” Bonda merenung mata saya dengan ekor pandangan yang penuh prejudis. Dihela nafas panjang-panjang menahan rasa sebelum bersuara, “Mel, sejarah bukan buta. Sejarah ialah guru yang tidak pernah berdusta. Bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua. Lihat bangsa Yahudi yang terus mencipta kejayaan besar dari zaman ke zaman kerana mengkaji zaman lampau. Mereka membina agenda besar untuk bangsa dan keturunannya.”

Kata-kata bonda itu seolah-olah menikam tajam ke dalam urat-urat saraf saya. Saya pandang bonda sambil mengangguk sebelum kembali membelek helaian demi helaian kitab-kitab lama yang hampir lusuh dan tertanggal kulitnya.

Perkataan-perkataan yang tertulis dalam tulisan jawi lama itu masih mampu saya baca dan fahami walaupun agak perlahan.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsiy’ oleh Husna Nazri  
dalam *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
*Dewan Bahasa dan Pustaka*

- (i) Berdasarkan petikan di atas, mengapakah bonda mengatakan bahawa sejarah ialah guru yang tidak pernah berdusta?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan kita mempelajari sejarah?  
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.  
[4 markah]

### Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta, maka baginda *fikir berbicara* hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadir. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?"

Maka sembahnya, "Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?"

Maka sembahnya, "Mohon patik tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?"

Maka sembahnya, "Mohon patik, tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?"

Maka sembahnya, "Mohon patik, tuanku."

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?"

Maka sembahnya, "Daulat, tuanku."

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *fikir berbicara*.

[2 markah]

- (ii) Nyatakan reaksi-reaksi Seri Nara Diraja apabila Sultan Muzaffar Syah mencadangkan supaya beliau berkahwin.

[3 markah]



- (iii) Pengorbanan Tun Kudu menunjukkan bahawa peranan wanita amat besar dalam kerajaan.

Pada pendapat anda, apakah pengorbanan-pengorbanan yang dilakukan oleh Tun Kudu?

[3 markah]

### Soalan 2 (d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### SEJADAH RINDU

Terkedu aku  
di sejadah rindu  
mengungkap kalimah syahdu  
bait bicara tersentuh kalbu  
merekah keinsafan di hati yang beku  
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan  
kupohon kembali nafas kehidupan  
dalam keterhadan dan keterbatasan insan  
moga terbuka ruang keampunan  
sebelum saat aku dinisankan  
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi  
keikhlasan menjadi bukti  
akhirnya  
aku sujud menghadap Ilahi  
di keheningan yang sepi  
lafas taubat mengiringi  
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh  
jiwa yang kaku tersentuh  
ayat-ayat cinta disusun kukuh  
di sejadah rindu yang lusuh  
kemaafan yang kupohon sungguh  
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa  
izinkan aku menjadi manusia  
yang taat sentiasa  
pada perintah Maha Kuasa  
agar aku tidak lupa  
dunia ini hanya bersifat sementara.

Dipetik daripada sajak 'Sejadah Rindu'  
oleh Mohd. Haikal Aminuddin dalam *antologi  
Sejadah Rindu*, DBP.

- (i) Nyatakan hasrat penyajak berdasarkan sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menjaga hubungan dengan Tuhan? [3 markah]
- (iii) Huraikan gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan, menukarkan atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan perkataan sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) ilmiah
- (ii) hadirin
- (iii) tatasusila
- (iv) proaktif
- (v) bangsawan
- (vi) nasionalisme

[6 markah]

(b) *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat dua tempat yang perkataannya digugurkan. Kenal pasti tempat-tempat perkataan itu digugurkan dan lengkapkannya dengan menambahkan perkataan yang sesuai. Tulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Media yang meliputi penerbitan buku, majalah, dan akhbar menghadapi saingan yang amat hebat media elektronik.
- (ii) Setiap orang perlu bertenang dan bersabar menghadapi tekanan yang tidak dijangkakan hidup mereka
- (iii) Kewujudan kilang haram bertambah pelbagai tindakan tegas untuk membanterasnya dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Hak dan keistimewaan golongan pribumi di negara ini tetap berjaga seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

- (ii) Penulisan catatan tentang pelbagai peristiwa dan aktiviti harian dalam dairi telah menjadi rutin Raisha sejak beberapa tahun yang lalu.
- (iii) Aeira yang baru menamat pengajiannya di universiti berasa teruja apabila mendapat peluang untuk bekerja di syarikat konglomerat yang terbesar di Malaysia.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Cita-citanya untuk memanjangkan pelajaran ke universiti belum tercapai lagi oleh kerana kesempitan hidup.
- (ii) Pakaian artis yang menjolok mata itu menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan para penonton.
- (iii) Adnan memberikan tumpuan terhadap pelajaran gurunya kerana mata pelajaran itu amat dia minati.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan tiga situasi yang berbeza yang terdapat dalam petikan ini.*

Zunaidi amat menyesal kerana terjebak dalam kancah najis dadah. Dia telah insaf dan berharap agar perbuatannya itu tidak akan berulang. Kini, dia hidup sendirian setelah anak-anak dan isterinya meninggalkannya. Harapannya agar anak-anak dan isterinya akan kembali ke pangkuannya dan mereka dapat hidup bahagia seperti dahulu. Malangnya, setelah puas dipujuk, anak-anak dan isterinya enggan kembali kepadanya kerana mereka khawatir dia akan mengulangi tabiat lamanya itu.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

YIK - B. MELAYU KERTAS (2) - SPM

## Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
  - (ii) Di sebalik Dinara karya Dayang Noor
  - (iii) Leftenan Adnan karya Abdul Latip Talib
  - (iv) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
  - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip
  - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
  - (vii) Silir Daksina karya Nizar Parman
  - (viii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (a) Sikap cekal dan gigih yang terdapat pada watak-watak dalam sesebuah novel perlu dijadikan contoh untuk menjalani kehidupan dalam kalangan pembaca.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** contoh sikap cekal dan gigih yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** contoh nilai amanah dalam tugas bagi setiap novel.

[8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**